



SYARAT PERMOHONAN LESEN PREMIS PENTERNAKAN BURUNG WALIT UNTUK KAWASAN KOMERSIAL DAN SAWAH PADI

1. Permohonan lesen hendaklah dimajukan ke Jabatan Pelesenan dan Penjaja Majlis Perbandaran Kajang sebelum **30 November 2013**.
2. Lokasi yang dibenarkan adalah seperti berikut :
 - a) Kawasan sawah padi; dan
 - b) Kawasan komersial
3. Lokasi yang tidak dibenarkan adalah seperti berikut:
 - a) Kawasan perumahan;
 - b) Rumah kedai; dan
 - c) Mana-mana premis yang pernah mendapat aduan kacauganggu munasabah.
4. Tempoh pemberian lesen:
 - a) Kawasan komersial – Tiga (3) tahun bermula **1 Januari 2014 hingga 31 Disember 2016**;
 - b) Kawasan sawah padi – Tujuh (7) tahun bermula **1 Januari 2014 hingga 31 Disember 2020**; dan
 - c) Mana-mana premis berlesen yang telah berpindah ke kawasan pertanian (selain sawah padi) – Sehingga tamat tempoh lesen dan pelesen akan diberi insentif berupa pengecualian bayaran cukai taksiran, cukai tanah dan lesen perniagaan untuk tempoh lima (5) tahun bermula daripada tarikh keluar premis asal.
5. Syarat-syarat am;
 - a) Permohonan hendaklah mengikut borang dan prosedur yang telah ditetapkan oleh pihak Majlis Perbandaran Kajang;
 - b) Kelulusan adalah tertakluk kepada syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh pihak Majlis Perbandaran Kajang dan ulasan-ulasan oleh jabatan teknikal yang berkaitan.
6. Kadar bayaran adalah seperti berikut;
 - a) Fi proses : RM50.00
 - b) Fi borang : RM5.00
 - c) Fi lesen : Mengikut Undang-undang Kecil Penternakan Burung Walit Dan Perusahaan Sarang Burung Walit (PBT) 2013.

PERHATIAN:

Pengeluaran lesen untuk tempoh tiga (3) tahun bagi kawasan komersial dan tujuh (7) tahun bagi kawasan sawah padi adalah bertujuan supaya pengusaha dapat bersedia untuk menghentikan operasi atau berpindah ke kawasan pertanian (selain kawasan sawah padi) apabila tempoh diberikan telah tamat.